



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN
YB. DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR,
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA PERASMIAN PENUTUP
MAJLIS TILAWAH AL-QURAN
PERINGKAT ZON PUTRAJAYA KALI KE-3
16 FEBRUARI 2016M / 07 JAMADIL AWWAL 1437H**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRAHIM.

YANG DIKASIHI SAUDARA PENGERUSI MAJLIS,

**YANG BERBAHAGIA DATUK SERI HAJI HASIM BIN HAJI ISMAIL,
PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA,**

**Y.BRS. TUAN HAJI PAIMUZI BIN YAHYA,
PENGARAH JAWI**

**Y.BRS. TUAN HAJI DATUK ABD MANAF BIN HAJI MAT,
IMAM BESAR MASJID PUTRA**

**Y.BRS TUAN HAJI HAZARUDIN BIN BAHARUDIN,
KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN, JABATAN AGAMA ISLAM
WILAYAH PERSEKUTUAN (JAWI) CAWANGAN PUTRAJAYA**

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN JAWI,

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN JABATAN KERAJAAN,

KETUA-KETUA JABATAN, DIF-DIF KEHORMAT,

BARISAN HAKIM TILAWAH, PARA QARI DAN QARIAH,

RAKAN-RAKAN MEDIA,

TAN SRI /DATUK/DATO' DATIN/TUAN/PUAN, HADIRIN/HADIRAT SEKALIAN,

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera,
Salam 1Malaysia.**

1. Saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah perkenan-Nya kita dapat bersama-sama mengikuti, mendengar dan menghayati bacaan al-Quran yang disampaikan oleh qari dan qariah zon kita.
2. Marilah kita merafakkan rasa penuh kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. atas rahmat dan keizinan-Nya, Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Zon Putrajaya Kali Ke-3 Bagi Tahun 1437H/2016M dapat dilangsungkan dalam suasana yang penuh muhibbah, aman dan harmoni.
3. Setelah diperdengarkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran dari pagi hingga ke petang, Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Zon Putrajaya Kali Ke-3 telah pun tiba ke penghujungnya.

Hadirin Hadirat Sekalian,

4. Majlis Tilawah al-Quran mula diperkenalkan oleh Pertubuhan Melayu Bersatu dikenali sebagai Majlis Membaca al-Quran, dan buat kali pertamanya ia diadakan pada 4 September 1947 di Masjid Jami' Abu Bakar Johor Bahru.

5. Setelah negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 Majlis Membaca al-Quran ini diteruskan dengan penganjuran Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dengan penyertaan semua negeri di Persekutuan Tanah Melayu. Yang Teramat Mulia, Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj Perdana Menteri ketika itu telah menyuarakan hasrat supaya Majlis Tilawah al-Quran diadakan setiap tahun dan alhamdulillah, sehingga kini kesinambungan daripada hasrat Almarhum Tunku tersebut masih dapat diteruskan oleh generasi baharu di peringat zon Putrajaya.
6. Catatan sejarah ini membuktikan bagaimana para pemimpin (umara) dan para ulama' telah menerahkan segala tenaga dan usaha sehingga program seumpama ini mampu bertahan hampir 60 tahun dan berjaya memartabatkan Islam di bumi Malaysia ini.

Hadirin hadirat sekalian,

7. Sejajar ayat pertama yang diturunkan berbunyi 'Iqra' maksudnya 'Bacalah' yang dianalogikan sebagai 'Membaca jambatan ilmu' amat signifikan dengan keadaan umat Islam pada hari ini. Umat Islam di Malaysia pada hari ini perlu mengungguli amanah keilmuan untuk melahirkan insan cemerlang yang seterusnya akan melahirkan ummah terbilang. Kita perlu melahirkan sebanyak mungkin ulul-albab iaitu cendekiawan atau para intelektual yang mantap ilmunya dalam bidang-bidang tertentu seperti sains dan teknologi yang mampu mengimbangi tuntutan duniaawi dan ukhrawi.
8. Dalam konteks ini, Tokoh Intelektual Islam Ibnu Khaldun telah menyebutkan bahawa ilmu dan penghayatannya amat penting bagi

melahirkan manusia yang mempunyai ciri-ciri ulul albab. Oleh itu, usaha berterusan secara intensif dan berstrategi perlu dilaksanakan dengan memperkasa rohani dan jasmani dalam kerangka Al-Quran dan As-Sunnah.

9. Secara asasnya budaya ilmu bermula dari rumah, namun di peringkat kementerian turut mengambil inisiatif sejak 2014 dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan telah melancarkan Program Tahsin Iqra' Sekolah-sekolah Menengah Putrajaya. Dengan sejumlah peruntukan dan harapan yang besar agar generasi muda celik al-Quran di Wilayah Putrajaya. Keterujaan terhadap aplikasi media baharu boleh melalaikan jika remaja gagal mengurus masa. Peluang yang ada ini digunakan sebaik mungkin supaya remaja bijak memanfaatkan teknologi bahkan kehadiran aplikasi al-Quran digital supaya ia boleh dibaca di mana-mana.
10. Oleh yang demikian, besar harapan saya agar anak-anak yang mengikuti program ini terus tekal membudayakan bacaan al-Quran. Jika sebelum ini mereka mula fasih membacanya, kini mereka sudah mampu melangkah setapak lagi dengan menghafalnya. Kelangsungan program ini akan terus disokong dan didokong. Saya percaya, program yang seakan tapak semaihan ini bakal membenihkan lebih ramai lagi qari dan qariah sebagai pelapis dan peserta Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Wilayah Putrajaya pada tahun akan datang.
11. Usaha celik al-Quran tidak berakhir di sini, fungsi 17 Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA), 2 buah Sekolah Rendah Agama akan terus

mengangkat gagasan budaya Iqra'. Peranan 13 Surau Jumaat, 35 Surau Kejiranan, 6 surau sekolah dan 19 surau pejabat mesti dimanfaatkan untuk memperkasakan kelangsungan budaya ilmu khususnya di Wilayah Putrajaya.

Para hadirin yang dimuliakan,

12. Sesungguhnya di dalam Islam itu sendiri telah terpancar kegemilangan. Sama ada kita sedar atau tidak, bimbingan Rabbani ke arah menjadi insan yang cemerlang sentiasa mengiringi setiap detik kehidupan kita. Begitulah sinar Islam yang mula menerangi Melaka pada awal abad ke 15, telah menjadikannya maju, membangun dan terkenal sebagai pusat perkembangan Islam, pusat ilmu pengetahuan serta menjadi pelabuhan yang tersohor pada ketika itu. Sejarah telah mencatatkan perkembangan ini berlaku setelah agama Islam diterima dan berkembang di negeri berkenaan. Inilah contoh ummah terbilang yang mampu mengangkat kerajaan Melaka ke persada antarabangsa. Yang boleh kita ungkapkan, "Telah roboh kota Melaka, kita bangunkan Putrajaya."
13. Ini merupakan suatu anugerah dan nikmat Allah Subhanahu Wataala yang amat jelas menunjukkan kepada kita bahawa agama Islam itu sendiri mampu mengangkat martabat manusia ke mercu kegemilangan sekiranya dihayati dan diamalkan secara bersungguh-sungguh.
14. Hakikatnya, bukan mudah untuk membina insan yang cemerlang yang sekaligus melahirkan ummah yang terbilang. Ia memerlukan

perancangan yang rapi dan usaha yang gigih, berterusan dan tidak pernah jemu. Peringatan Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bermaksud: "Bahawa Allah mencintai seseorang yang apabila ia mengerjakan sesuatu kerja, ia laksanakan dengan tekun." (Riwayat al-Baihaqi).

15. Hadis ini menekankan supaya kita melakukan sesuatu pekerjaan dengan penuh ketekunan. Pesanan ini perlu dijadikan pegangan dan azimat supaya matlamat untuk melahirkan 'khaira ummah' atau ummah terbilang dalam sebuah 'Baldatun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafurr' (Negara yang maju dan mendapat keredhaan Allah) dapat direalisasikan.

Hadirin-hadirat yang dirahmati sekalian,

16. Sesungguhnya kemampuan dan kejayaan kita menganjurkan majlis ini secara tahunan membuktikan bahawa nikmat keamanan dan kemakmuran sentiasa dilimpahi oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada negara Malaysia. Ini adalah berkat kepimpinan negara yang berwawasan dan sentiasa mendaulatkan agama Islam sebagai agama rasmi negara.
17. Akhir kata, saya berharap umat Islam akan kembali menghayati dan mempertingkatkan usaha mereka berinteraksi dengan firman Allah. Membaca al-Quran, memahami dan merenung ke dalam diri. Insya-Allah, ia akan meledakkan suatu kesedaran dan keazaman yang melunakkan dan memberi keberkahan sepanjang kehidupan.

18. Dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim' saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penutup Tilawah Al-Quran Peringkat Zon Putrajaya kali ke-3 ini.
19. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sekian, terima kasih